



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000

56

Jabatan Pendaftaran

'KEDAH SEJAHTERA'

UUM/PEN/A-11/1 Jld. 11

04 Mei 2010

Semua
Penolong Naib Canselor
Ketua Jabatan
Pengaruh Pusat/Institut
Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato'/Tuan/Puan

ANUGERAH KHAS TERBAIK UNIVERSITI 2010

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Universiti akan mengadakan Anugerah Khas Terbaik kepada staf yang cemerlang dalam bidang penyelidikan, perundingan, penerbitan/penulisan, sukan dan khidmat masyarakat pada tahun ini.

Sehubungan itu, bersama ini disampaikan kriteria penilaian anugerah khas yang dinyatakan seperti berikut untuk panduan YBhg. Dato'/tuan/puan selanjutnya.

- | | |
|--|--------------|
| 1. Anugerah Pembudayaan Penyelidikan Kolej Terbaik | - Lampiran A |
| 2. Anugerah Penyelidik Terbaik | - Lampiran B |
| 3. Anugerah Perundingan Terbaik | - Lampiran C |
| 4. Anugerah Penerbitan/Penulisan Terbaik | - Lampiran D |
| 5. Anugerah Sukan Terbaik | - Lampiran E |
| 6. Anugerah Khidmat Masyarakat Terbaik | - Lampiran F |

YBhg. Dato'/tuan/puan bolehlah mencalonkan staf masing-masing untuk dibuat pemilihan dengan menggunakan borang berlampir. Pencalonan hendaklah berdasarkan pencapaian staf pada tahun 2008 dan 2009.

